

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**SOALAN NO. 377**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Sekolah Menengah Agama Labuan serta masjid-masjid dan surau- surau seperti di bawah ini akan mula dibina baru seperti Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada, Masjid Nur Iman, Kampung Ganggarak, Surau Darus Salam, Kampung Patau-Patau 2, Surau Nurhidayah Kampung Batu Arang, Masjid Al-Falah Kampung Bukit Kallam dan Masjid Bebuloh Darat Kampung Bebuloh.

**JAWAPAN: (YB. DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(i) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam proses membina bangunan baru Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan di mana dijangka tender bagi pembinaan sekolah ini akan dibuka pada hujung tahun ini.

(ii) Berkenaan isu pembinaan masjid dan surau, tiga buah projek di bawah JAWI iaitu Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada, Masjid Nur Iman, Kampung Ganggarak, dan Surau Nurul Islam, Pusat Bandar, projek-projek ini belum lagi dilaksanakan. Mesyuarat penyelarasan

JAWI-MAIWP pada Jun 2018 memutuskan agar semua projek baru yang belum ada komitmen ditangguhkan. JAWI dan MAIWP akan mengenalpasti semula serta mencari jalan penyelesaian terhadap status projek-projek yang ditangguhkan ini.

(iii) Manakala bagi cadangan pembinaan baharu Surau Darus Salam, Kampung Patau-Patau 2, Surau Nurhidayah, Kampung Batu Arang, Masjid Al-Falah, Kampung Bukit Kallam dan Masjid Bebuloh Darat, Kampung Bebuloh, ianya telah dibincangkan oleh wakil rakyat semasa pemerintahan kerajaan terdahulu. Walau bagaimanapun, tiada sebarang permohonan rasmi dikemukakan susulan daripada perbincangan tersebut. Sehubungan itu, JAWI akan mengadakan perbincangan dengan agensi berkaitan bagi mendapatkan maklum balas dan menilai semula keperluan bagi pembinaan baharu keempat-empat premis tersebut sebelum diangkat untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.